

Makluman kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan,

LARANGAN MENDEDADAKAN NOMBOR AKAUN TERIMAAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG (JANMPP) KEPADA ORANG AWAM

Merujuk kepada perkara di atas, terdapat Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah mendedahkan nombor Akaun Terimaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang (JANMPP) kepada orang awam bagi kemudahan membantarkan pungutan kepada Jabatan.

Perbuatan ini telah menyebabkan terdapat item-item di Akaun Terimaan JANMPP yang tidak dapat dikenalpasti PTJ penerima bagi tujuan penyediaan Penyata Pemungut oleh PTJ. Kesukaran mengenal pasti PTJ penerima terutamanya bagi terimaan tunai melalui kaunter bank kerana maklumat yang diterima adalah tidak lengkap.

Pihak JANMPP sangat memandang serius dan melarang pendedahan nombor Akaun Terimaan JANMPP kepada orang awam bagi mengelak perkara sebegini berulang lagi. Merujuk kepada **Arahan Keselamatan**, keselamatan dokumen adalah merangkumi kawalan ke atas dokumen rahsia rasmi dari pendedahan atau penglihatan tanpa kebenaran. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab semua penjawat awam bagi memastikan keselamatan dokumen dapat dijaga dan tidak didedahkan sewenang-wenangnya tanpa kebenaran.

Sebarang permasalahan atau pertanyaan berkaitan terimaan/hasil, pihak PTJ boleh berhubung dengan Unit Pengurusan Dana di talian 04-2555 570 (Puan Norazlina Othman) / 04-2555 565 (Puan Noor Hanisa Sabari). Kerjasama dan keprihatinan daripada pihak PTJ berkaitan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

UNIT PENGURUSAN DANA, JANMPP